



**KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

**PERLEMBAGAAN**

***BAHAGIAN I***  
**PERMULAAN**

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

***BAHAGIAN II***  
**KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

3. Penubuhan Kelab.
4. Meterai Kelab.
5. Asas dan Tujuan Kelab.
6. Kuasa Kelab.
7. Laporan Kelab.
8. Penaung Kelab.

***BAHAGIAN III***  
**BADAN PERHUBUNGAN KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

9. Badan Perhubungan
10. Kuasa dan fungsi Badan Perhubungan.
11. Pelantikan anggota Badan Perhubungan.
12. Tempoh jawatan.
13. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan.
14. Keterhentian keanggotaan.
15. Keanggotaan tambahan Badan Perhubungan

***BAHAGIAN IV***  
**KEAHLIAN**

16. Keahlian.
17. Syarat-syarat keahlian.
18. Tatacara keahlian.
19. Hak ahli.
20. Kewajipan ahli.
21. Menarik diri.
22. Keterhentian keahlian.
23. Daftar Kelab.
24. Kad keahlian.

***BAHAGIAN V***  
**KEAHLIAN KHAS**

25. Ahli Bersekutu dan Ahli Kehormat.

**BAHAGIAN VI  
BAHAGIAN**

26. Penubuhan bahagian.
27. Jawatankuasa bahagian.
28. Fungsi jawatankuasa bahagian.
29. Kuasa jawatankuasa bahagian.
30. Pelantikan anggota jawatankuasa bahagian.
31. Tempoh jawatan.
32. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan.
33. Keterhentian keanggotaan.
34. Jawatankuasa amanah.

**BAHAGIAN VII  
MESYUARAT AGONG BAHAGIAN**

35. Mesyuarat Agong Tahunan.
36. Mesyuarat Agong Luar Biasa.
37. Agenda Mesyuarat Agong Tahunan.

**BAHAGIAN VIII  
KEWANGAN**

38. Kumpulan Wang Kelab.
39. Kumpulan Wang bahagian.
40. Audit dan yuran.

**BAHAGIAN IX  
PEMBUBARAN BAHAGIAN, KELAB**

41. Pembubaran, penggantungan bahagian.
42. Pembubaran, penggantungan Kelab.

**BAHAGIAN X  
PINDAAN PERLEMBAGAAN**

43. Pindaan Perlembagaan.

**BAHAGIAN XI  
PENAFSIRAN PERLEMBAGAAN**

44. Penafsiran Perlembagaan.



**KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

**BAHAGIAN XII  
AM**

45. Lambang, bendera, dsb. Kelab.
46. Kekosongan dalam Badan Perhubungan dan jawatankuasa bahagian.
47. Tatatertib..
48. Perlembagaan sebagai dokumen awam.

**BAHAGIAN XIII  
PENGECUALIAN DAN PERALIHAN**

49. Pemansuhan.
50. Penerusan peraturan-peraturan, dsb.
51. Pengesahan perbuatan yang dilakukan dengan menjangkakan bahawa Perlembagaan ini akan diluluskan.

**JADUAL PERTAMA  
JADUAL KEDUA**

## ***Perlembagaan***

*Sebuah Perlembagaan untuk menubuhkan, mengawalselia dan mentadbir  
Kelab UMNO United Kingdom  
dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.*

### **BAHAGIAN I PERMULAAN**

#### **PERKARA 1**

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(1) Perlembagaan ini bolehlah dinamakan **Perlembagaan KELAB UMNO UNITED KINGDOM 2003**.

(2) Perlembagaan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh mana-mana Mesyuarat Agong Bahagian.

#### **PERKARA 2**

Tafsiran.

Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

“ahli” ertinya ahli yang mendaftar dan menganggotai Kelab;

“Badan Perhubungan” ertinya Badan Perhubungan Kelab UMNO United Kingdom yang ditubuhkan di bawah Perkara 9;

“bahagian” ertinya bahagian Kelab seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 26;

“Daftar” ertinya Daftar Kelab Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu United Kingdom & Eire sesuatu bahagian yang disimpan dan disenggara di bawah Perkara 23;

“anggota badan perhubungan” ertinya ahli-ahli terkandung dalam badan perhubungan seperti diperuntukkan bawah Perkara 9.

“jawatankuasa bahagian” ertinya jawatankuasa bahagian Kelab seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 27

“Pengerusi Badan” ertinya Pengerusi Badan Perhubungan, yang dilantik di bawah Perkara 9 dan “Timbalan Pengerusi” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“ketua bahagian” ertinya pengerusi bahagian, yang dilantik di bawah Perkara 27 dan timbalan ketua bahagian hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“bendahari” ertinya anggota jawatankuasa bahagian, yang bertanggungjawab atas kewangan, yang dilantik di bawah Perkara 27;

“Bendahari Kehormat” ertinya anggota Badan Perhubungan, yang bertanggungjawab atas kewangan Kelab, yang dilantik di bawah Perkara 9;

“ketua penerangan” ertinya anggota jawatankuasa bahagian, yang bertanggungjawab atas kegiatan penerangan, yang dilantik di bawah Perkara 27;

“Ketua Penerangan Eksekutif” ertinya anggota Badan Perhubungan, yang bertanggungjawab atas kegiatan penerangan Kelab, yang dilantik di bawah Perkara 9;

“Kelab UMNO UK, “Kelab UMNO United Kingdom & Eire” atau “Kelab” ertinya Kelab



### **KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu United Kingdom & Eire yang ditubuhkan di bawah Perkara 3; dan sebuah pertubuhan berdaftar di bawah Jabatan Penuntut Malaysia UK.

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Kelab yang ditubuhkan di bawah Perkara 38;

“Kumpulan Wang bahagian” ertinya Kumpulan Wang bahagian yang ditubuhkan di bawah Perkara 39;

“Melayu” mempunyai erti yang dinyatakan dalam Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan, dan termasuklah bumiputera Sabah dan Sarawak;

“United Malays National Organisation” atau “UMNO” ertinya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, sebuah parti politik yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Pertubuhan 1966;

“setiausaha” ertinya anggota jawatankuasa bahagian, yang bertanggungjawab atas pentadbiran, yang dilantik di bawah Perkara 27;

“Setiausaha Agung ” ertinya anggota Badan Perhubungan, yang bertanggungjawab atas pentadbiran Kelab, yang dilantik di bawah Perkara 9.

## **BAHAGIAN II KELAB PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU UNITED KINGDOM & EIRE**

### **PERKARA 3**

Penubuhan Kelab.

- (1) Maka adalah ditubuhkan suatu persatuan masyarakat Melayu yang hendaklah dikenali sebagai “Kelab Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu United Kingdom” atau dalam bahasa Inggeris sebagai “The United Malays National Organisation Club of the United Kingdom”.
- (2) Tertakluk kepada dan bagi maksud Perlembagaan ini, dan atas apa-apa terma yang difikirkannya patut, Kelab dan mana-mana bahagiannya boleh .
  - (a) membuat kontrak; dan
  - (b) berkenaan dengan apa-apa jenis harta alih dan tak alih dan kepentingan mengenai harta alih dan tak alih .
    - (i) memperoleh, membeli dan mengambil harta dan kepentingan itu; dan
    - (ii) memegang, menikmati, memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahmilikkan, atau dengan apa-apa cara lain melupuskan atau membuat apa-apa urusan mengenai, harta dan kepentingan itu terletak hak pada Kelab atau mana-mana bahagiannya.

**PERKARA 4**

Meterai Kelab.

- (1) Kelab hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi suatu tanda yang diluluskan oleh Badan Perhubungan.
- (2) Meterai biasa itu boleh, dari semasa ke semasa, dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baru sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Badan Perhubungan.
- (3) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Badan Perhubungan, suatu cap yang mengandungi perkataan  
“Kelab UMNO United Kingdom” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa Kelab.
- (4) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau seorang anggota Badan Perhubungan yang diberi kuasa.
- (5) Meterai biasa itu hendaklah disahkan oleh Pengerusi atau seorang anggota Badan Perhubungan yang diberi kuasa.
- (6) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai biasa itu dan yang disahkan sebagaimana yang disebut dalam Fasal (5) hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.
- (7) Meterai biasa Kelab hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi.

**PERKARA 5**

Asas dan Tujuan Kelab.

Asas dan Tujuan pergerakan kelab adalah -

- (a) untuk mempertahankan, menegak dan mengembangkan agama Islam disamping menghormati prinsip kebebasan beragama;
- (b) untuk mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara, Perlembagaan Negeri-Negeri dan prinsip Raja Berperlembagaan;
- (c) untuk merapatkan serta menyatupadukan masyarakat Melayu di United Kingdom dan Eire bagi membela dan memperjuangkan nama dan masa depan bangsa Melayu;
- (d) untuk menjamin kedudukan Bahasa Kebangsaan, iaitu bahasa Melayu, sebagai bahasa rasmi tunggal negara dan Kebudayaan Kebangsaan yang berasaskan kebudayaan Melayu;
- (e) untuk merapatkan hubungan dan kerjasama antara kaum bagi melahirkan satu masyarakat Malaysia yang kuat dan bersatu;
- (f) untuk menjalankan apa-apa aktiviti untuk menjaga kebajikan masyarakat Melayu, khususnya dan masyarakat Malaysia, amnya di United Kingdom dan Eire;
- (g) untuk mengadakan kerjasama dengan persatuan, pertubuhan, kumpulan orang atau organisasi lain yang mempunyai cita-cita dan tujuan-tujuan yang selaras dengan Kelab;



## **KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

- (h) untuk menjalankan, melaksana dan menunaikan, mengikut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini semua kuasa, tugas dan kewajipan yang diberi kepada, diadakan atau ditanggungkan ke atas Kelab oleh peruntukan-peruntukan itu; dan
- (i) untuk menjalankan apa-apa aktiviti lain yang sewajarnya.

### **PERKARA 6**

#### **Kuasa Kelab.**

Kelab hendaklah mempunyai kuasa -

- (a) menganjurkan apa-apa kegiatan berbentuk kebersihan dan pengekalan alam sekitar seperti gotong-royong, *rubbish hunt* dan lain-lain;
- (b) menganjurkan apa-apa kegiatan berbentuk latihan jasmani seperti program bina semangat, jalan lasak, kembara, ekspedisi, latihan pengekalan hutan, kawad dan lain-lain;
- (c) menganjurkan apa-apa kegiatan berbentuk keintelektualan dan akademik seperti kursus, konvensyen, seminar, persidangan, pameran, ekspo, forum, bengkel, pertandingan, kuiz, ceramah, misi akademik, nasihat kerjaya, lawatan industri, lawatan sambil belajar dan lain-lain;
- (d) menganjurkan apa-apa kegiatan berbentuk kepimpinan seperti kursus, konvensyen, seminar, persidangan, pameran, ekspo, forum, bengkel, pertandingan, kuiz, ceramah, lawatan sambil belajar dan lain-lain aktiviti kepimpinan;
- (e) menganjurkan apa-apa kegiatan berbentuk keagamaan dan pembinaan insan seperti tilawah, syarahan, berzanji, tafsir, hafazan, nasyid, kursus, konvensyen, seminar, persidangan, pameran, ekspo, forum, bengkel, pertandingan, kuiz, ceramah dan lain-lain aktiviti memperjuangkan, mengukuh dan mengembangkan syiar Islam;
- (f) menganjurkan apa-apa kegiatan kebudayaan seperti makan malam, jamuan teh, malam kesenian dan kebudayaan, persembahan kebudayaan, sajak, puisi, pantun, syair, pidato, debat, bahas, drama, cerpen, cereka, teater, koir, nyanyian, tarian, komping, gamelan dan peralatan muzik yang lain, dan lain-lain aktiviti sosial kebudayaan yang berfungsi menunjukkan kekayaan warisan bangsa di perantauan dan tidak memudaratkan dan melampaui batas batas kelslaman ;
- (g) menganjurkan apa-apa aktiviti berasaskan khidmat masyarakat seperti projek anak angkat, lawatan ke rumah orang tua dan anak yatim, gotong-royong, pameran, ekspo dan lain-lain aktiviti berasaskan khidmat masyarakat;
- (h) menganjurkan apa-apa aktiviti sukan termasuk sukaneka dan permainan tradisional;
- (i) menerbitkan, membahagi-bahagi atau mengedarkan apa-apa dokumen;
- (j) menganjurkan, menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di dalam atau luar United Kingdom & Eire;
- (k) mengumpulkan wang atau harta lain dengan cara pungutan, derma, penajaan, rayuan dan lain-lain punca;

## *Perlembagaan*

- (l) bekerjasama, berhubung atau bersekutu dengan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang;
- (m) memilih wakil-wakil ke mana-mana mesyuarat atau persidangan; dan
- (n) untuk melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan.

### **PERKARA 7**

Laporan Kelab.

Kelab hendaklah, dengan seberapa segera, memberi kepada Setiausaha Agong Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, laporan mengenai pentadbiran, kewangan, organisasi dan kegiatan-kegiatannya selepas tamatnya setiap Perhimpunan Agong Tahunan.

### **PERKARA 8**

Penaung Kelab.

Penaung Kelab Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu United Kingdom adalah Presiden Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

## **BAHAGIAN III**

### **BADAN PERHUBUNGAN KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

### **PERKARA 9**

Badan Perhubungan KUUK .

- (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa penyelaras yang hendaklah dikenali sebagai "Badan Perhubungan Kelab Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu United Kingdom.
- (2) Badan Perhubungan hendaklah terdiri daripada .
  - (a) seorang Pengerusi;
  - (b) seorang Timbalan Pengerusi;
  - (c) seorang Setiausaha Eksekutif;
  - (e) seorang Bendahari Eksekutif;
  - (f) seorang Ketua Penerangan Eksekutif;
  - (g) tidak lebih dari dua orang ahli sebagai Penasihat tertakluk kepada Perkara 15
  - (h) semua pengerusi bahagian terkandung dalam Jadual 2
- (3) Proses peralihan adalah tertakluk di bawah Perkara 11.
- (4) Semua ahli Badan Perhubungan kecuali Fasal 2(g) hanyalah terdiri dari semua pengerusi bahagian.



## **KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

(5) Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Badan Perhubungan.

### **PERKARA 10**

Kuasa dan fungsi Badan Perhubungan.

Badan Perhubungan hendaklah menjadi badan penyelaras Kelab dan boleh menjalankan semua kuasa dan fungsi kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan ini.

Badan Perhubungan tidak berhak mencampuri urusan pentadbiran bahagian kelab kecuali termaktub dalam perlembagaan ini.

Badan Perhubungan berhak menasihati bahagian-bahagian kelab demi mencapai objektif Perkara 5 Perlembagaan Kelab dan juga menyelaras program dan aktiviti kelab seluruh United Kingdom.

(1) Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Badan Perhubungan mempunyai kuasa dan fungsi secara kolektif untuk berikut :-

- (a) untuk menentukan dasar-dasar Kelab ;
- (b) untuk membincang, menyoal atau memutuskan apa-apa perkara yang melibatkan kebajikan ahli-ahli Kelab;
- (c) untuk membincang, menyoal atau memutuskan apa-apa perkara mengenai pendapatan, perbelanjaan dan penyenggaraan Kumpulan Wang Badan Perhubungan;
- (d) untuk membincang, menyoal atau memutuskan apa-apa perkara mengenai apa-apa aktiviti, program atau projek anjuran Kelab yang melibatkan penyelarasan;
- (e) untuk membincang, menyoal atau memutuskan apa-apa perkara mengenai akaun-akaun, dokumen-dokumen, minit-minit atau lain-lain rekod Badan Perhubungan;
- (f) untuk membincang, menyoal atau memutuskan apa-apa perkara mengenai perhubungan, kerjasama atau persekutuan Kelab dengan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang;
- (g) untuk membincang, menyoal atau memutuskan apa-apa perkara mengenai perjalanan atau pelaksanaan kuasa-kuasa Kelab;
- (h) untuk mengeluarkan apa-apa arahan atau larangan atau mengenakan apa-apa syarat ke atas Badan Perhubungan atau mana-mana anggota Badan Perhubungan;
- (ji) untuk melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu untuk membolehkannya melaksanakan kuasa dan fungsinya dengan berkesan.

Segala keputusan dibuat hendaklah dilakukan dengan persepakatan atau dengan kuasa majoriti mudah di kalangan anggota Badan Perhubungan yang dilantik dalam Perkara 9.

### **PERKARA 11**

Pelantikan anggota Badan Perhubungan.

- (1) Anggota Badan Perhubungan di bawah Perenggan 9(2) hendaklah dipilih selepas tamat tempoh berkhidmat yang ditetapkan dalam Perkara 12.
- (2) Setiap calon yang bertanding bagi jawatan-jawatan di bawah Perenggan 9(2) kecuali (g) hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut .
  - (a) dia ialah seorang Pengerusi Bahagian.
  - (b) dia tidak menganggotai jawatankuasa tatatertib, Jawatankuasa Pemilihan bahagian atau memegang apa-apa jawatan juruaudit di mana-mana peringkat;
  - (c) dia tidak mempunyai prosiding tatatertib yang belum diputuskan terhadapnya;
  - (d) dia tidak pernah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib; dan
  - (e) bakal berada di United Kingdom selama tempoh perkhidmatan.
- (2) Badan Perhubungan tertakluk kepada Perlembagaan ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya, boleh menentukan tatacaranya sendiri.

### **PERKARA 12**

Tempoh jawatan.

Tempoh perkhidmatan Badan Perhubungan berkuatkuasa selama setahun iaitu 1 Januari sehingga 31 December.

Seseorang anggota Badan Perhubungan yang dilantik dibawah Fasal9(2) hendaklah memegang jawatan sehingga tempoh yang ditetapkan dan adalah layak untuk dicalon dan dilantik semula untuk tempoh perkhidmatan seterusnya .

### **PERKARA 13**

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan.

- (1) Badan Perhubungan, melalui resolusi tiga per empat daripada jumlah anggota Badan Perhubungan, boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota Badan Perhubungan yang dilantik di bawah Fasal 9(2) jika difikirkan perlu.
- (2) Seseorang anggota Badan Perhubungan yang dilantik di bawah Fasal 9(2) boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis kepada Pengerusi, dan dalam hal Pengerusi, dengan memberikan notis bertulis kepada Setiausaha Eksekutif.

Pembatalan jawatan dalam Fasal 9(2) tidak menjejaskan status sebagai pengerusi bahagian kecuali bahagian mengambil tindakan sewajarnya.

### **PERKARA 14**

Keterhentian keanggotaan.

Seseorang anggota Badan Perhubungan yang dilantik di bawah Fasal 9(2) hendaklah terhenti daripada menjadi seorang anggota .



**KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

- (a) jika dia mati;
- (b) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai seorang anggota Badan Perhubungan atau selainnya, adalah kelakuan yang memburukkan nama Kelab atau Badan Perhubungan; tertakluk kepada resolusi dalam Perkara 13.
- (c) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tak berupaya menunaikan tugasnya;
- (d) jika dia telah didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tata tertib;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Badan Perhubungan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi atau dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Setiausaha Eksekutif;
- (f) jika pelantikannya dibatalkan;
- (g) jika dia tidak lagi bermastautin di United Kingdom dan Eire;
- (h) jika dia berada di luar United Kingdom dan Eire untuk jangkamasa melebihi tiga bulan, kecuali dengan kebenaran Badan Perhubungan; atau
- (i) jika peletakkan jawatannya diterima oleh Badan Perhubungan.
- (j) menganggotai lebih dari satu jawatan dalam Perkara 9(2) pada satu masa kecuali dipersetujui anggota Badan Perhubungan.

**PERKARA 15**

**Keanggotaan Tambahan Badan Perhubungan**

Seseorang anggota Badan Perhubungan yang dilantik di bawah Fasal 9(2)(g) sebagai penasihat tertakluk kepada :-

- (a) Maksimum dua orang ahli pada satu masa
- (b) Penglibatan penasihat adalah perlu untuk menjayakan aktiviti Badan Perhubungan
- (c) Mempunyai kepakaran khusus yang bernilai untuk kebaikan Kelab pada amnya.
- (d) Boleh diberikan portfolio khas jika perlu untuk menjalankan aktiviti kepakaran khas yang disahkan oleh Badan Perhubungan.
- (e) Tidak memegang lebih jawatan lain sementara atau tetap dalam Fasal 9(2).
- (f) Memberi pandangan dan pendapat sebaik mungkin dan tidak terlibat secara langsung atau tidak dalam pengiraan undi.
- (g) Tempoh perkhidmatan tertakluk hanya satu tahun dari tarikh perantikan kecuali diperbaharui dengan persetujuan anggota Badan Perhubungan lain.

Keputusan pembatalan perantikan tertakluk kepada perkara 13 oleh anggota Badan perhubungan lain.

**BAHAGIAN IV  
KEAHLIAN**

**PERKARA 16**

Keahlian.

- (1) Semua ahli adalah sama rata di sisi Perlembagaan ini dan berhak menikmati dan menanggung segala hak, tugas dan kewajipan yang diberi kepada, diadakan atau ditanggungkan ke atasnya oleh Perlembagaan ini, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya.
- (2) Seseorang ahli menjadi ahli sah dalam SATU bahagian sahaja terkandung dalam Jadual 2 suatu masa dan dilarang menganggotai lebih dari satu keahlian pada suatu masa.

**PERKARA 17**

Syarat-syarat keahlian.

Syarat-syarat keahlian Kelab adalah -

- (a) dia seorang warganegara Malaysia;
- (b) dia berbangsa Melayu atau bumiputera; atau/dan
- (c) Beragama Islam
- (c) dia telah berusia lapan belas tahun dan ke atas; dan
- (d) bermastautin di United Kingdom dan Eire.

**PERKARA 18**

Tatacara keahlian.

- (1) Permohonan menjadi ahli hendaklah .
  - (a) dibuat dalam borang permohonan rasmi Kelab, seperti yang disediakan oleh jawatankuasa bahagian; dan
  - (b) dikemukakan kepada setiausaha bersama yuran.
- (2) Permohonan di bawah Fasal (1) hendaklah dipertimbangkan oleh .
  - (a) jawatankuasa bahagian; atau
  - (b) mana-mana anggota jawatankuasa bahagian yang diberi kuasa oleh jawatankuasa bahagian,dan jawatankuasa bahagian atau anggota tersebut boleh, atas budi bicara mutlaknyanya, menerima atau menolak permohonan di bawah Fasal (1).
- (3) Permohonan yang diterima di bawah Fasal (2) hendaklah, dengan seberapa segera, didaftarkan di dalam Daftar dan pemohon keahlian Kelab hendaklah disifatkan sebagai telah mendaftar.

- (4) Jika pemohon di bawah Fasal (1) gagal menerima apa-apa jawapan tentang permohonan



## **KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

keahliannya setelah menunggu sekurang-kurangnya empat belas hari, dia bolehlah merayu kepada Badan Perhubungan, dan Badan Perhubungan boleh -

- (a) mengarahkan jawatankuasa bahagian untuk menimbangkan permohonan pemohon di bawah Fasal (2); atau
  - (b) menimbang permohonan pemohon dan, jika diluluskan, mengarahkan jawatankuasa bahagian untuk mendaftarkan permohonan di bawah Fasal (3).
- (5) Walau apa pun Fasal (1), (2), (3) dan (4), Badan Perhubungan boleh menetapkan tatacara keahlian lain, termasuk tatacara rayuan bagi permohonan keahlian yang ditolak, hanya untuk tujuan-tujuan penyeragaman dan pentadbiran pendaftaran ahli.

### **PERKARA 19**

Hak ahli.

- (1) Tertakluk kepada Perlembagaan ini, setiap ahli, setelah menjadi ahli selama sekurang-kurangnya tujuh hari dari tarikh penerimaan permohonannya di bawah Perkara 20(3), berhak
- (a) tertakluk kepada Perkara 32, dicalonkan atau dilantik untuk memegang apa-apa jawatan dalam jawatankuasa bahagian;
  - (b) menghadiri dan menyertai Mesyuarat Agong, umum dan kegiatan-kegiatan lain Kelab atau bahagian;
  - (d) mengundi dalam mana-mana Mesyuarat Agong atau jawatankuasa *ad hoc* yang dianggotainya atas apa-apa usul, resolusi, cadangan, pencalonan, isu atau perkara;
  - (e) mencadangkan, bertanya, memberi pendapat, bercakap, menyokong, atau menentang apa-apa usul, resolusi, cadangan, pencalonan, isu atau perkara dalam mana-mana Mesyuarat Agong atau jawatankuasa *ad hoc* yang dianggotainya; dan
  - (f) melaksanakan segala hak ahli seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan ini.
- (2) Mana-mana ahli yang gagal menjelaskan yuran tahunannya di bawah Fasal 52(4) hendaklah digantung haknya di bawah Fasal (1) sehingga ia dibayar.

### **PERKARA 20**

Kewajipan ahli.

Setiap ahli berkewajipan untuk -

- (a) menghormati dan mematuhi Perlembagaan ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (b) menyokong dan berpegang teguh kepada dasar-dasar Kelab dan bahagian;
- (c) berkhidmat kepada masyarakat Melayu, khususnya dan masyarakat Malaysia, amnya;
- (d) menunjukkan tanda dan rasa hormat kepada mana-mana Mesyuarat Agong atau jawatankuasa *ad hoc* yang dianggotainya;

## *Perlembagaan*

- (e) menjaga adab dan tata susila dalam mana-mana Mesyuarat Agong atau jawatankuasa *ad hoc* yang dianggotainya;
- (f) mengelakkan apa-apa perbuatan yang boleh mengganggu perjalanan mana-mana Mesyuarat Agong atau jawatankuasa *ad hoc* yang dianggotainya;
- (g) membayar yuran dan lain-lain bayaran Kelab dan bahagian;
- (h) melaksanakan semua tugas yang diamanahkan oleh Kelab atau bahagian kepadanya; dan
- (i) pada amnya melaksanakan peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini.

### **PERKARA 21**

Menarik diri.

Seorang ahli boleh menarik diri daripada menjadi ahli pada bila-bila masa .

- (a) dengan memberikan notis secara bertulis kepada setiausaha; dan
- (b) setiausaha hendaklah, dengan seberapa segera, mengeluarkan nama ahli tersebut dari Daftar dan disifatkan sebagai tidak lagi menganggotai Kelab.

### **PERKARA 22**

Keterhentian keahlian.

Seseorang ahli hendaklah terhenti daripada menjadi ahli -

- (a) jika keahliannya dibatalkan;
- (b) jika dia tidak lagi menjadi ahli Kelab;
- (c) jika dia tidak lagi menjadi warganegara Malaysia; atau
- (c) jika dia tidak lagi bermastautin di United Kingdom dan Eire.
- (d) di bahagian kelab UMNO lama apabila menjadi ahli di bahagian baru.

### **PERKARA 23**

Daftar Kelab.

- (1) Setiap bahagian hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar yang disebut "Daftar Kelab Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu United Kingdom Bahagian ....." dan daftar ini hendaklah ditadbir dan dikawal oleh jawatankuasa bahagian.
- (2) Daftar hendaklah disimpan dalam apa-apa bentuk dan pada apa-apa bahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Badan Perhubungan.
- (3) Daftar hendaklah mengandungi butir-butir ahli seperti -
  - (a) nama penuh;
  - (b) jawatan di peringkat jawatankuasa bahagian atau Badan Perhubungan, jika ada;



## **KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

- (c) alamat tetap di Malaysia;
  - (d) alamat semasa di United Kingdom atau Eire;
  - (e) no. kad pengenalan persekutuan;
  - (f) pekerjaan, jika ada;
  - (g) universiti di mana menuntut, kursus dan peringkat pengajian, jika ada; dan
  - (h) apa-apa butiran ahli yang difikirkan perlu oleh Badan Perhubungan.
- (4) Badan Perhubungan bolehlah mencadang apa-apa arahan dan peraturan berkenaan Daftar setelah berunding dengan anggota Badan Perhubungan.

### **PERKARA 24**

Kad keahlian.

- (1) Setiap ahli yang telah dimasukkan namanya ke dalam Daftar hendaklah, dengan seberapa segera, dikeluarkan kepadanya kad keahlian Kelab jika perlu dan mampu dilaksanakan oleh jawatankuasa bahagian.
- (2) Jawatankuasa bahagian hendaklah bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pengeluaran kad keahlian Kelab tetapi Badan Perhubungan bolehlah mencadang apa-apa peraturan dan arahan berkenaan kad keahlian Kelab bagi tujuan-tujuan keseragaman dan pentadbiran.

## **BAHAGIAN V KEAHLIAN KHAS**

### **PERKARA 25**

Ahli Bersekutu dan Ahli Kehormat.

- (1) Mana-mana persatuan, pertubuhan, organisasi atau kumpulan orang sama ada dari dalam atau luar United Kingdom dan Eire boleh memohon kepada bahagian untuk menjadi Ahli Bersekutu Kelab.
- (2) Syarat-syarat permohonan di bawah Fasal (1) ialah .
  - (a) persatuan, pertubuhan, organisasi atau kumpulan orang tersebut bersetuju untuk bekerjasama dengan Kelab bagi kebaikan bersama; dan
  - (b) apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh bahagian dari semasa ke semasa.
- (3) Bahagian boleh atas budi bicara mutlakanya, tanpa memberi apa-apa sebab mengenainya menerima atau menolak apa-apa permohonan yang dibuat di bawah Fasal (1).
- (4) Bahagian dari semasa ke semasa, menganugerahkan status Ahli Kehormat Kelab kepada mana-mana orang yang telah, secara langsung atau tak langsung, .

## ***Perlembagaan***

- (a) membantu untuk menjalinkan atau memperbaiki perhubungan Kelab dengan mana-mana orang, persatuan, pertubuhan, organisasi atau kumpulan orang sama ada dari dalam atau luar United Kingdom dan Eire;
  - (b) mengharumkan nama Kelab dan negara Malaysia;
  - (c) membuat apa-apa perkara yang mendatangkan kebaikan dan keuntungan kepada Kelab; atau
  - (d) membuat apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Bahagian sebagai sesuai untuk dianugerahkan status Ahli Kehormat Kelab.
- (5) Ahli Kehormat dan Ahli Bersekutu Kelab hendaklah mempunyai hak untuk memberi pendapat dan menasihati bahagian atas apa-apa perkara tetapi tidak mempunyai hak ahli sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 19(1).
- (6) Pelantikan di bawah Fasal (3) dan (4) boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh bahagian .

## **BAHAGIAN VI BAHAGIAN**

### **PERKARA 26**

Penubuhan bahagian.

- (1) Kelab hendaklah terdiri daripada bahagian-bahagian mengikut pembahagian fizikal, geografi dan pentadbiran United Kingdom, sebagaimana yang ditentukan oleh Badan Perhubungan.
- (2) Badan Perhubungan hendaklah mempunyai hak dan penglibatan untuk menubuhkan bahagian dan juga cawangan dalam bahagian tersenarai dalam Jadual 2 jika perlu.
- (3) Syarat-syarat bagi penubuhan sesuatu bahagian dan cawangan sah di bawah Fasal (2) adalah :-
  - (a) ia hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga puluh puluh ahli; dan
  - (b) memberi maklumat dan berhubung dengan mana-mana anggota badan perhubungan terlebih dahulu; dan
  - (c) mendapat pertimbangan dan pengesahan dari Badan Perhubungan untuk tujuan penyelarasan;
  - (d) apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Badan Perhubungan dan dari UMNO jika ada.
- (4) Sesuatu bahagian tidaklah terbuang secara automatik jika keahliannya kurang daripada tiga puluh ahli.
- (5) Badan Perhubungan berhak menetapkan bilangan bahagian baru dan sah seperti termeterai dalam Jadual 2. Bilangan bahagian baru akan dikaji semula dalam tempoh ditetapkan.
- (6) Bahagian baru yang tidak melalui Fasal 3 dan tidak tersenarai dalam Jadual 2 dianggap tidak sah.



**KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

- (7) Bahagian-bahagian Kelab adalah tersenarai dalam Jadual Kedua dan Badan Perhubungan boleh, melalui resolusi dua pertiga jumlah anggota Badan Perhubungan, meminda Jadual Kedua untuk menambah jika melulus bahagian baru dan mengurangkan jika terdapat pembubaran.
- (8) Bahagian-bahagian yang terkandung dalam Jadual 2 merupakan bahagian rasmi, sah dan berhak mendapat sokongan oleh Badan Perhubungan dan kuasa peruntukan dalam perlembagaan ini secara sama rata dan saksama

**PERKARA 27**

Jawatankuasa bahagian.

- (1) Jawatankuasa bahagian hendaklah terdiri daripada -
  - (a) seorang ketua bahagian;
  - (b) seorang timbalan ketua bahagian;
  - (c) dua orang naib ketua bahagian, di mana seorang adalah Ketua Pemuda dan Ketua Puteri/Wanita.
  - (d) seorang setiausaha;
  - (e) seorang bendahari;
  - (f) seorang ketua penerangan; dan
  - (g) tidak kurang dari tiga dan tidak lebih dari lapan anggota lain yang portfolionya akan ditentukan oleh ketua bahagian.
  - (h) Ahli bersekutu hanya berhak memegang jawatan (g) jika dilantik.
- (2) Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi jawatankuasa bahagian sebagaimana ia terpakai bagi Badan Perhubungan, dan dalam pemakaian peruntukan-peruntukan Jadual Pertama bagi jawatankuasa bahagian -
  - (a) sebutan mengenai “Badan Perhubungan” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “jawatankuasa bahagian”;
  - (b) sebutan mengenai “Pengerusi” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “ketua bahagian”;
  - (c) sebutan mengenai “Timbalan Pengerusi” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “timbalan ketua bahagian”; dan
  - (d) sebutan mengenai “ahli-ahli Kelab” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “ahli-ahli bahagian”.

**PERKARA 28**

Fungsi jawatankuasa bahagian.

Fungsi jawatankuasa bahagian adalah -

- (a) untuk melaksanakan fungsi-fungsi Kelab di bawah Perkara 5(a) (b) (c) (e) (g) di peringkat bahagian;
- (b) untuk mempetimbangkan dan melaksanakan arahan-arahan Kelab sebagaimana yang ditentukan oleh Badan Perhubungan jika perlu, Mesyuarat Agong Tahunan dan kehendak majoriti ahli;
- (c) untuk menjalankan, melaksana dan menunaikan, mengikut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini semua kuasa, tugas dan kewajipan yang diberi kepada, diadakan atau ditanggungkan ke atas jawatankuasa bahagian oleh peruntukan-peruntukan itu; dan
- (d) untuk menjalankan apa-apa aktiviti lain seperti yang diselaraskan oleh Badan Perhubungan.

**PERKARA 29**

Kuasa jawatankuasa bahagian.

- (1) Jawatankuasa bahagian hendaklah mempunyai semua kuasa Kelab di bawah Perkara 6
- (2) Sebagai tambahan kepada kuasa-kuasa jawatankuasa bahagian di bawah Fasal (1), jawatankuasa bahagian hendaklah mempunyai kuasa untuk menganjurkan, menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di dalam United Kingdom.

**PERKARA 30**

Pelantikan anggota jawatankuasa bahagian.

- (1) Setiap calon yang bertanding bagi jawatan-jawatan di bawah Perkara 27(1) hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut .
  - (a) dia ialah seorang ahli;
  - (b) dia ialah seorang ahli bahagian berkenaan;
  - (c) dia tidak menganggotai jawatankuasa tatatertib atau memegang jawatan juruaudit di mana-mana peringkat;
  - (d) dia tidak mempunyai prosiding tatatertib yang belum diputuskan terhadapnya; dan
  - (e) dia tidak pernah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, sebelum layak dicalonkan dan dipilih dalam Mesyuarat Agong Tahunan di bawah Fasal (1).
- (4) Dalam mencalonkan dan memilih anggota jawatankuasa bahagian di bawah Perenggan 28(1)(a), (b), (c) (e) dan (g), Mesyuarat Agong Tahunan, tertakluk kepada Perlembagaan ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya, boleh menentukan tatacaranya sendiri.
- (5) Anggota jawatankuasa bahagian di bawah Fasal 27(1)(d) dan (f) hendaklah dilantik oleh ketua bahagian, setelah mendapat kelulusan jawatankuasa bahagian.



## **KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

### **PERKARA 31**

Tempoh jawatan.

Seseorang anggota jawatankuasa bahagian yang dilantik di bawah Fasal 27(1) hendaklah memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agong Tahunan yang seterusnya dan adalah layak untuk dicalon dan dilantik semula.

Tempoh perkhidmatan ahli jawatankuasa dilantik dibawah fasal 27(1) adalah dari 1 December hingga 31 November .

### **PERKARA 32**

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan.

- (1) Jawatankuasa bahagian, melalui resolusi dua pertiga daripada jumlah anggota jawatankuasa bahagian, boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa bahagian yang dilantik di bawah Fasal 27(1).
- (2) Mana-mana Mesyuarat Agong, melalui resolusi dua pertiga daripada jumlah ahli bahagian, boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana atau semua anggota jawatankuasa bahagian yang dilantik di bawah Fasal 27(1) tanpa memberi apa-apa sebab baginya.
- (3) Seseorang anggota jawatankuasa bahagian yang dilantik di bawah Fasal 27(1) boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis kepada ketua bahagian, dan dalam hal ketua bahagian, dengan memberikan notis bertulis kepada setiausaha.

### **PERKARA 33**

Keterhentian keanggotaan.

Seseorang anggota jawatankuasa bahagian yang dilantik di bawah Fasal 27(1) hendaklah terhenti daripada menjadi seorang anggota -

- (a) jika dia mati;
- (b) jika kelakannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai seorang anggota jawatankuasa bahagian atau selainnya, adalah kelakuan yang memburukkan nama Kelab atau jawatankuasa bahagian;
- (c) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tak berupaya menunaikan tugasnya;
- (d) jika dia telah didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat jawatankuasa bahagian tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran ketua bahagian atau dalam hal ketua bahagian, tanpa kebenaran setiausaha;
- (f) jika pelantikannya dibatalkan;
- (g) jika dia tidak lagi bermastautin di United Kingdom atau Eire;

## *Perlembagaan*

- (h) jika dia berada di luar United Kingdom atau Eire untuk jangkamasa melebihi tiga bulan, kecuali dengan kebenaran jawatankuasa bahagian; atau
- (i) jika peletakkan jawatannya diterima oleh jawatankuasa bahagian.
- (j) menjadi ahli di bahagian kelab UMNO lain tanpa menamatkan keahlian di bahagian asal

### **PERKARA 34**

Jawatankuasa amanah.

- (1) Jika atas apa-apa sebab jawatankuasa bahagian di bawah Perkara 27 tidak dapat dilantik, maka mana-mana mesyuarat khas Badan Perhubungan atau selainnya hendaklah melantik suatu jawatankuasa amanah, yang terdiri daripada ahli bahagian atau selainnya, untuk mentadbir dan menguruskan bahagian selama apa-apa tempoh yang difikirkannya sesuai.
  - (2) Jawatankuasa amanah bolehlah terdiri daripada -
    - (a) seorang ketua;
    - (b) seorang setiausaha;
    - (c) seorang bendahari; dan
    - (d) apa-apa bilangan anggota yang difikirkan sesuai.
  - (3) Ketua yang dilantik di bawah Fasal (2)(a) berhak menjadi anggota *ex officio* Badan Perhubungan di bawah Fasal 9 tetapi boleh menghadiri mesyuarat Badan Perhubungan sebagai pemerhati.
  - (4) Jawatankuasa amanah hendaklah mempunyai semua fungsi, kuasa dan apa-apa hak dan kewajipan lain bahagian dan pemegang jawatannya di bawah Perlembagaan ini termasuklah -
    - (a) melantik dua juruaudit, yang boleh terdiri daripada ahli bahagian atau selainnya, untuk mengaudit Kumpulan Wang bahagian;
    - (c) mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa untuk melantik jawatankuasa bahagian;
    - (d) menyediakan dan menghantar laporan pentadbiran, kewangan, organisasi dan kegiatan-kegiatannya kepada Badan Perhubungan setiap tahun; dan
    - (e) menyediakan dan menghantar penyata akaun dan laporan juruaudit kepada Badan Perhubungan setiap tahun,
- kecuali -
- (aa) sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
  - (ab) sebagaimana yang ditentukan selainnya oleh Badan Perhubungan.



**KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

- (5) Walau apa pun Fasal (4), suatu bahagian yang telah melantik jawatankuasa amanah di bawah Perkara ini tidak boleh .
- (a) mengutip yuran, kecuali jika suatu Mesyuarat Agong akan diadakan bagi melantik jawatankuasa bahagian; dan
  - (b) menerima apa-apa peruntukan dari Badan Perhubungan, kecuali elaun perjalanan.
- (6) Apa-apa perubahan kepada status atau komposisi jawatankuasa amanah hendaklah, dengan seberapa segera, dimaklumkan kepada Badan Perhubungan.
- (7) Jika sesuatu bahagian tidak melantik jawatankuasa bahagian dalam masa dua tahun dari tarikh pelantikan jawatankuasa amanah, maka bahagian tersebut hendaklah terubur dengan sendirinya.

**BAHAGIAN VII  
MESYUARAT AGONG BAHAGIAN**

**PERKARA 35**

Mesyuarat Agong Tahunan.

- (1) Tertakluk kepada Perlembagaan ini ,kuasa tertinggi bagi sesebuah bahagian hendaklah terletak hak kepada Mesyuarat Agong.
- (2) Bahagian hendaklah mempunyai dua jenis Mesyuarat Agong iaitu .
- (a) Mesyuarat Agong Tahunan; dan
  - (b) Mesyuarat Agong Luar Biasa.
- (3) Mesyuarat Agong Tahunan hendaklah terdiri daripada .
- (a) anggota-anggota jawatankuasa bahagian; dan
  - (b) ahli-ahli bahagian.
- (4) Mesyuarat Agong Tahunan hendaklah diadakan oleh jawatankuasa bahagian pada bila-bila masa dalam bulan November atau Disember setiap tahun; dengan syarat mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua puluh satu hari sebelum berlangsungnya pemilihan anggota Badan Perhubungan.
- (5) Dalam mengadakan Mesyuarat Agong Tahunan, -
- (a) notis bertulis serta agenda Mesyuarat Agong Tahunan;
  - (b) laporan pentadbiran, organisasi dan kegiatan-kegiatan bahagian; dan
  - (c) penyata akaun dan laporan juruaudit Kumpulan Wang bahagian,
- hendaklah disahkan oleh ketua bahagian dan dikemukakan oleh setiausaha kepada -
- (a) setiap anggota jawatankuasa bahagian; dan

## *Perlembagaan*

- (b) ahli-ahli bahagian,
- tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat itu diadakan di bawah Fasal (4).
- (6) Ahli-ahli bahagian hendaklah melantik dari kalangan mereka -
- (a) seorang pengerusi untuk mempengerusikan Mesyuarat Agong Tahunan; dan
  - (b) dua orang pencatit minit.
- (7) (a) Jawatankuasa bahagian hendaklah menyebabkan supaya minit Mesyuarat Agong Tahunan disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.
- (b) Salinan minit Mesyuarat Agong Tahunan hendaklah dikemukakan kepada semua anggota Badan Perhubungan dalam masa tujuh hari selepas tarikh mesyuarat itu diadakan.
- (8) Kuorum Mesyuarat Agong Tahunan ialah satu perempat daripada jumlah keahlian bahagian atau ditetapkan oleh ahli jawatankuasa bahagian.
- (9) Jika, pada pendapat pengerusi mesyuarat, kuorum Mesyuarat Agong Tahunan tidak tercapai, mesyuarat hendaklah ditangguhkan ke suatu tarikh dan masa yang ditetapkan oleh jawatankuasa bahagian; tetapi ia hendaklah diadakan dalam tempoh tidak melebihi lima belas hari dari penangguhan Mesyuarat Agong Tahunan pertama.

### **PERKARA 36**

Mesyuarat Agong Luar Biasa.

- (1) Mesyuarat Agong Luar Biasa hendaklah diadakan -
- (a) dengan kehendak ketua bahagian;
  - (b) jika sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah anggota jawatankuasa bahagian memutuskan sedemikian; atau
  - (c) jika sekurang-kurangnya dua pertiga dari jumlah keahlian bahagian mempetisyen jawatankuasa bahagian secara bertulis untuk mengadakan Mesyuarat Agong Luar Biasa.
- (2) Jika, dalam tempoh dua puluh lapan hari daripada penerimaan petisyen, jawatankuasa bahagian gagal untuk mengadakan Mesyuarat Agong Luar Biasa di bawah Perenggan (1)(c), maka ahli-ahli bahagian bolehlah mengadakan Mesyuarat Agong Luar Biasa; dengan syarat Fasal (3), (4) dan (6) adalah tidak terpakai.
- (3) Tertakluk kepada Fasal 41(4), Mesyuarat Agong Luar Biasa hendaklah dipengerusikan oleh ketua bahagian.
- (4) Notis Mesyuarat Agong Luar Biasa serta agenda, secara bertulis atau selainnya, hendaklah disahkan oleh ketua bahagian dan dimaklumkan oleh setiausaha kepada ahli-ahli bahagian sekurang-kurangnya tiga hari sebelum tarikh mesyuarat.
- (5) Mesyuarat Agong Luar Biasa hendaklah terdiri daripada -
- (a) anggota-anggota jawatankuasa bahagian; dan



**KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

- (b) ahli-ahli bahagian.
- (6)(a) Jawatankuasa bahagian hendaklah menyebabkan supaya minit Mesyuarat Agong Luar Biasa disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.
- (b) Salinan minit Mesyuarat Agong Luar Biasa hendaklah dikemukakan kepada semua anggota Badan Perhubungan dalam masa tujuh hari selepas tarikh mesyuarat itu diadakan.
- (7) Kuorum Mesyuarat Agong Luar Biasa ialah satu perempat daripada jumlah keahlian bahagian.
- (8) Jika kuorum Mesyuarat Agong Luar Biasa tidak tercapai selepas menunggu setengah jam dari permulaan mesyuarat, Mesyuarat Agong Luar Biasa hendaklah diumumkan oleh pengerusi mesyuarat sebagai terbatal.

**PERKARA 37**

Agenda Mesyuarat Agong Tahunan.

- (1) Jawatankuasa bahagian hendaklah membentangkan sebagai agenda Mesyuarat Agong Tahunan -
  - (a) pelantikan pengerusi mesyuarat dan dua orang pencatit minit;
  - (b) ucapan pengerusi mesyuarat;
  - (c) ucapan dasar ketua bahagian;
  - (d) pengesahan minit Mesyuarat Agong Tahunan atau Luar Biasa, mengikut mana-mana yang berkenaan;
  - (e) laporan pentadbiran, organisasi dan kegiatan-kegiatan jawatankuasa bahagian bagi tahun sebelumnya;
  - (f) penyata akaun dan laporan juruaudit Kumpulan Wang bahagian bagi tahun sebelumnya;
  - (g) pencalonan dan pelantikan juruaudit untuk tahun kewangan seterusnya;
  - (h) pencalonan dan pemilihan anggota-anggota jawatankuasa bahagian baru;
  - (i) perbincangan usul-usul;
  - (l) ucapan penangguhan ketua bahagian baru.

Penerimaan usul di bawah perenggan (l) oleh majoriti ahli selepas di bahaskan hendaklah di maklumkan kepada Setiausaha Agung Badan Perhubungan untuk tindakan selanjutnya.

- (2) Walau apa pun Fasal (1), Mesyuarat Agong Tahunan boleh menetapkan dan membincangkan agenda-agenda lain.

**BAHAGIAN VIII  
KEWANGAN**

**PERKARA 38**

Kumpulan Wang Badan Perhubungan.

- (1) Bagi maksud Perlembagaan ini maka dengan ini ditubuhkan suatu kumpulan wang yang dinamakan "Kumpulan Wang badan Perhubungan Kelab UMNO United Kingdom " yang hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Badan Perhubungan.
- (2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada -
  - (a) program, projek atau aktiviti Kelab yang mendatangkan hasil kewangan;
  - (b) derma-derma dan penajaan sama ada dari dalam atau luar United Kingdom dan Eire;
  - (c) peruntukan dari Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu;
  - (d) semua wang yang didapatkan daripada penjualan, pelupusan, penyewaan atau penyewagunaan, atau apa-apa urusan lain mengenai, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang terletak hak pada atau yang diperolehi oleh Kelab;
  - (d) semua wang dan harta atau asset lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Kelab dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya; dan
  - (f) semua wang dan asset lain yang diterima secara sah oleh Badan Perhubungan.
- (3) Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud .
  - (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Badan Perhubungan;
  - (b) memberikan pinjaman dan wang pendahuluan kepada bahagian jika perlu;
  - (c) membayar elaun dan perbelanjaan lain anggota Badan Perhubungan, anggota jawatankuasa bahagian dan ahli Kelab, termasuklah pinjaman dan wang pendahuluan;
  - (d) menyumbang kepada badan atau organisasi yang dianggotai Kelab;
  - (e) membayar apa-apa bayaran, kos atau perbelanjaan berhubungan dengan perolehan barang-barang atau perkhidmatan;
  - (f) membeli atau menyewa peralatan, jentera dan apa-apa benda lain, mendapatkan tanah dan apa-apa aset, dan membina bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan membuat apa-apa aku janji lain pada melaksanakan fungsi-fungsinya dan menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Perlembagaan ini;
  - (g) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau di setuju-terima dengan sepatutnya oleh Kelab pada melaksanakan fungsi-fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Perlembagaan ini; dan
  - (h) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini.



### **KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

- (4) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Fasal (2) dan (3) memberikan hak kepada mana-mana anggota badan perhubungan atau pemegang jawatannya untuk menggunakan Kumpulan Wang Kelab, sama ada secara langsung atau tak langsung, bagi memajukan tujuan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan, walaupun bahagian kelab sendiri, orang ataupun persendirian seperti yang ditentukan oleh Badan Perhubungan.
- (5) Kelab WAJIB membuka dan menyenggara suatu akaun tersendiri dan bukan dibawah akaun mana mana bahagian atau akaun-akaun dengan mana-mana bank. Akaun tersebut ditubuhkan dalam bank-bank di United Kingdom dan Eire yang difikirkan sesuai oleh Badan Perhubungan; dan tiap-tiap akaun itu hendaklah dikendalikan melalui cek atau/dan rekod yang ditandatangani oleh mana-mana anggota atau anggota-anggota Badan Perhubungan yang diberi kuasa oleh Badan Perhubungan, dari semasa ke semasa.
- (6) Segala penerimaan dan pembayaran WAJIB dimaklumkan kepada kepada anggota Badan Perhubungan dan merupakan agenda tetap dalam setiap mesyuarat biasa anggota badan perhubungan.
- (7) Tahun kewangan Kelab hendaklah bermula pada 1 December dan berakhir pada 30 November setiap tahun.
- (8) Adalah menjadi tanggungjawab Bendahari Eksekutif untuk menjawab apa-apa soalan anggota badan perhubungan atau mana mana ahli mengenai akaun-akaun dan pentadbiran Kumpulan Wang.
- (9) Jika Kelab dibubarkan di bawah Perkara 42, maka semua -
  - (a) wang dalam Kumpulan Wang;
  - (b) wang yang kena dibayar kepada Kelab atau Badan Perhubungan; atau
  - (c) tanah, aset dan harta lain Kelab,

hendaklah berpindah kepada dan terletak hak pada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

### **PERKARA 39**

Kumpulan Wang bahagian.

- (1) Bagi maksud Perlembagaan ini bahagian hendaklah menubuhkan suatu kumpulan wang yang hendaklah ditadbir dan dikawal oleh jawatankuasa bahagian.
- (2) Walau apa pun peruntukan Perlembagaan ini, Badan Perhubungan tidak mempunyai hak untuk membuat apa-apa arahan atau peraturan berkenaan Kumpulan Wang bahagian kecuali dengan kelulusan majoriti jawatankuasa-jawatankuasa bahagian.
- (3) Kumpulan Wang bahagian hendaklah terdiri daripada -
  - (a) program, projek atau aktiviti bahagian yang mendatangkan hasil kewangan;
  - (b) derma-derma dan penajaan sama ada dari dalam atau luar United Kingdom dan Eire;
  - (c) peruntukan dari Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau Badan Perhubungan;
  - (d) semua wang yang didapatkan daripada penjualan, pelupusan, penyewaan atau

## *Perlembagaan*

penyewagunaan, atau apa-apa urusan lain mengenai, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang terletak hak pada atau yang diperolehi oleh bahagian;

(e) semua wang dan harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada bahagian dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya; dan

(f) semua wang lain yang diterima secara sah oleh bahagian.

(4) Kumpulan Wang bahagian hendaklah dibelanjakan bagi maksud .

(a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh bahagian;

(b) membayar elaun dan perbelanjaan lain anggota jawatankuasa bahagian dan ahli bahagian, termasuklah pinjaman dan wang pendahuluan;

(c) menyumbang kepada badan atau organisasi yang dianggotai bahagian;

(d) membayar apa-apa bayaran, kos atau perbelanjaan berhubungan dengan perolehan barang-barang atau perkhidmatan;

(e) membeli atau menyewa peralatan, jentera dan apa-apa benda lain, mendapatkan tanah dan apa-apa aset, dan membina bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan membuat apa-apa janji lain pada melaksanakan fungsi-fungsinya dan menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Perlembagaan ini;

(f) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau di setuju-terima dengan sepatutnya oleh bahagian pada melaksanakan fungsi-fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Perlembagaan ini; dan

(g) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini.

(i) Kiraan dan sebab pembayaran dan penerimaan hendaklah mengikut tatacara sendiri dari semasa ke semasa.

(5) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Fasal (2) dan (3) memberikan hak kepada bahagian atau mana-mana ahli atau pemegang jawatannya untuk menggunakan Kumpulan Wang bahagian, sama ada secara langsung atau tak langsung, bagi memajukan tujuan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan, orang dan persendirian

(6) Keputusan kewangan di bawah Fasal (2) dan (3) memerlukan sokongan majoriti anggota badan perhubungan .

(7) Bahagian WAJIB membuka dan menyenggara suatu akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana bank atau bank-bank di United Kingdom dan Eire yang difikirkan sesuai oleh jawatankuasa bahagian; dan tiap-tiap akaun itu hendaklah dikendalikan melalui cek dan/atau rekod bertulis selainnya yang ditandatangani oleh mana-mana anggota atau anggota-anggota jawatankuasa bahagian yang diberi kuasa oleh jawatankuasa bahagian, dari semasa ke semasa.

(8) Tahun kewangan bahagian hendaklah bermula pada 1 November dan berakhir pada 31 Oktober setiap tahun.



**KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

- (9) Sebarang pelaksanaan keputusan kewangan di bawah Perkara 39 hanyalah sah selepas mendapat persetujuan majoriti ahli jawatankuasa bahagian. Tiada sesiapa di kalangan ahli jawatankuasa termasuk bendahari kehormat layak mengeluarkan wang untuk sebarang tujuan selepas mendapat persetujuan tersebut.
- (10) Adalah menjadi tanggungjawab bendahari kehormat untuk menjawab apa-apa soalan dari Badan Perhubungan jika ada atau mana-mana ahli bahagian mengenai akaun-akaun dan pentadbiran Kumpulan Wang bahagian.
- (11) Jika bahagian dibubarkan di bawah Perkara 34 atau 42, maka semua .
- (a) wang dalam Kumpulan Wang bahagian;
  - (b) wang yang kena dibayar kepada bahagian atau jawatankuasa bahagian; atau
  - (c) tanah, aset dan harta lain bahagian,

hendaklah berpindah kepada dan terletak hak pada Badan Perhubungan.

**PERKARA 40**

Audit dan yuran.

- (1) Kelab, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menyebabkan -
- (a) disimpan akaun yang sepatutnya bagi kumpulan wangnya dan hendaklah, dengan seberapa segera selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan disediakan bagi tahun kewangan itu suatu penyata akaun yang hendaklah mengandungi kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan; dan
  - (b) penyata akaun itu diaudit oleh dua orang juruaudit, yang boleh terdiri daripada ahli atau selainnya, yang dilantik oleh Mesyuarat Agong Tahunan.
- (2) Bendahari Eksekutif atau bendahari, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, dengan seberapa segera, menghantar -
- (a) suatu salinan penyata akaun yang disediakan dibawah Fasal (1)(a), yang diperakui oleh juruaudit; dan
  - (b) suatu salinan laporan juruaudit,
- kepada Badan Perhubungan untuk tujuan kemaskini dan rekod.
- (4) Setiap ahli hendaklah -
- (a) membayar, kepada bahagian di mana dia menjadi ahli, yuran tahunan sebanyak satu pound sterling (£1.00) ; dan
  - (b) yuran di bawah Perenggan (a) hendaklah dibayar -
    - (i) dalam tempoh tahun kewangan di bawah Fasal 39(7); atau
    - (ii) pada suatu tarikh atau tempoh yang ditetapkan oleh jawatankuasa bahagian

## *Perlembagaan*

- (5) Walau apa pun Fasal (4)(a), mana-mana Mesyuarat Agong Tahunan boleh menetapkan kadar yuran yang lain, dengan syarat ia tidak kurang dari satu pound sterling (£1.00).
- (6) Ahli Bersekutu hendaklah membayar yuran sebagaimana yang ditetapkan oleh ahli jawatankuasa bahagian.

### **BAHAGIAN IX PEMBUBARAN BAHAGIAN, KELAB**

#### **PERKARA 41**

Pembubaran, penggantungan bahagian.

- (1) Sesuatu bahagian boleh digantung atau dibubarkan jika -
  - (a) mana-mana Mesyuarat Agong, melalui resolusi tiga perempat daripada jumlah ahli bahagian, memutuskan sedemikian;
  - (b) jawatankuasa bahagian, melalui resolusi tiga perempat jumlah anggota jawatankuasa bahagian, bersetuju menerima resolusi Mesyuarat Agong di bawah Perenggan (a); dan
  - (c) resolusi Mesyuarat Agong di bawah Perenggan (a) memaklumkan kepada Setiausaha Agung Badan Perhubungan,
- (3) Segala kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sebaik sebelum pembubaran bahagian di bawah Fasal (1), Fasal (2) atau Perkara 37(7) ialah kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi bahagian hendaklah dari tarikh pembubaran, turun kepada Badan Perhubungan.

#### **PERKARA 42**

Pembubaran, penggantungan Kelab.

- (1) Kelab boleh digantung atau dibubarkan jika -
  - (a) Diusulkan sekurang-kurangnya tiga perempat daripada jumlah anggota Badan Perhubungan;
  - (b) diluluskan oleh semua anggota Badan Perhubungan.
- (2) Pelaksanaan pembubaran dalam Fasal (1) menyebabkan segala kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi luput secara automatik.



**KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

**BAHAGIAN X  
PINDAAN PERLEMBAGAAN**

**PERKARA 43**

Pindaan Perlembagaan.

- (1) Mana-mana Mesyuarat Agong Tahunan, melalui resolusi dua pertiga daripada ahli boleh meminda Perlembagaan ini tanpa mejejaskan hak, kuasa dan mana-mana perkara berkaitan dengan Badan Perhubungan.
- (2) Hal – hal berkaitan Fasal (1) hendaklah dicadangkan kepada setiausaha bahagian melalui suatu usul empat belas hari sebelum mana-mana Mesyuarat Agong Tahunan diadakan.
- (3) Apa-apa pindaan mengenai perkara-perkara Badan Perhubungan hanya boleh dilakukan dengan keputusan anggota badan perhubungan seperti termaktub dalam Perkara 11.

**BAHAGIAN XI  
PENAFSIRAN PERLEMBAGAAN**

**PERKARA 44**

Penafsiran Perlembagaan.

- (1) Apabila berlaku apa-apa konflik atau keraguan dalam mentafsirkan Perlembagaan ini atau apa-apa peraturan yang di buat di bawahnya, konflik atau keraguan tersebut hendaklah dirujuk kepada jawatankuasa bahagian masing-masing untuk ditafsirkan.
- (2) Penafsiran Perlembagaan ini hendaklah dilakukan dengan melihat secara menyeluruh tanpa menjejaskan keharmonian, pelaksanaan objektif dan dasar-dasar kelab tanpa sebarang gangguan atau campur tangan dari luar kelab.
- (3) Penafsiran ini hendaklah mengambil pendapat dan pandangan anggota badan perhubungan dan ahli-ahli terutamanya yang arif dalam selok belok perlembagaan dan juga dikalangan ahli yang mempunyai latar belakang undang-undang jika ada.
- (4) Jika masih terdapat keraguan dan konflik melampaui munasabah untuk ditafsirkan, pengerusi bahagian haruslah membawa isu ini ke meja Badan Perhubungan untuk ditafsirkan.
- (5) Badan Perhubungan berhak merujuk kepada mana-mana sumber jika perlu dan juga menubuhkan jawatankuasa adhoc jika perlu untuk menafsir sebarang keraguan.
- (6) Tafsiran Badan Perhubungan di bawah Fasal (4) adalah muktamad. .

**BAHAGIAN XII  
AM**

**PERKARA 45**

Lambang, bendera, dsb. Kelab.

- (1) Lambang, lencana, bendera dan cogan kata Kelab hendaklah mengikut lambang, lencana, bendera dan cogan kata Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

- (2) Walau apa pun Fasal (1) dan (2), Badan Perhubungan boleh mengubahsuai atau mengadakan lambang, lencana, bendera atau cogan kata lain bagi Kelab.

**PERKARA 46**

Kekosongan dalam Badan Perhubungan dan jawatankuasa bahagian.

(1) Jika -

- (a) kerana apa-apa sebab Pengerusi tidak dapat melaksanakan fungsi-fungsinya; atau
- (b) semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi,

Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi.

(2) Jika -

- (a) kerana apa-apa sebab Pengerusi dan Timbalan Pengerusi kedua-duanya tidak dapat melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi; atau
- (b) semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi,

Badan Perhubungan boleh melantik mana-mana anggota Badan Perhubungan untuk melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi.

- (3) Timbalan Pengerusi atau anggota yang dilantik di bawah Fasal (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dalam tempoh dia melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi di bawah Perkara ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

(4) Jika -

- (a) kerana apa-apa sebab mana-mana anggota Badan Perhubungan lain tidak dapat melaksanakan fungsi-fungsinya; atau
- (b) semasa apa-apa tempoh kekosongan mana-mana jawatan dalam Badan Perhubungan,

Badan Perhubungan boleh melantik mana-mana anggota Badan Perhubungan untuk melaksanakan fungsi-fungsi mana-mana jawatan dalam Badan Perhubungan.

- (5) Anggota yang dilantik di bawah Fasal (4), hendaklah dalam tempoh dia melaksanakan fungsi-fungsi mana-mana jawatan dalam Badan Perhubungan di bawah Perkara ini, disifatkan sebagai penjawat jawatan tersebut.

- (6) Fasal (1) hingga (5) hendaklah terpakai bagi jawatankuasa bahagian sebagaimana ia terpakai bagi Badan Perhubungan, dan dalam pemakaian Fasal (1), (2) dan (3) bagi jawatankuasa bahagian -

- (a) sebutan mengenai "Pengerusi" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "ketua bahagian";
- (b) sebutan mengenai "Timbalan Pengerusi" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "timbalan ketua bahagian";



**KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

- (c) sebutan mengenai “Badan Perhubungan” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “jawatankuasa bahagian”; dan
- (d) sebutan mengenai “anggota Badan Perhubungan” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “anggota jawatankuasa bahagian”.

**PERKARA 47**

Tatatertib.

- (1) Badan Perhubungan hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua ahli dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua ahli mengikut Perlembagaan ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.
- (2) Bagi maksud Perkara ini, Badan Perhubungan bolehlah menubuhkan suatu atau beberapa jawatankuasa tatatertib bagi suatu atau beberapa bahagian, sebagaimana yang difikirkannya perlu, yang hendaklah terdiri daripada ahli-ahli -
  - (a) yang tidak berjawatan dalam Badan Perhubungan atau bahagian; dan
  - (b) tidak mempunyai kepentingan dalam mana-mana pemilihan jawatan.
- (3) Jawatankuasa tatatertib yang ditubuhkan di bawah Fasal (2) hendaklah -
  - (a) menyiasat tiap-tiap aduan -
    - (i) dari mana-mana jawatankuasa bahagian; atau
    - (ii) dari mana-mana ahli;mengenai mana-mana ahli; dan
  - (b) memulakan prosiding tatatertib terhadap mana-mana ahli jika terdapat alasan yang mencukupi berkaitan aduan terhadap ahli tersebut bebas tanpa sebarang gangguan dan penglibatan oleh mana-mana pihak.
- (4) Seorang ahli yang terhadapnya prosiding tatatertib diambil hendaklah diberi peluang untuk membuat representasi terhadap pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh jawatankuasa tatatertib.
- (5) Jawatankuasa tatatertib hendaklah, apabila berpuas hati melampaui keraguan munasabah bahawa telah dibuktikan terhadap mana-mana ahli -
  - (a) pelanggaran mana-mana peruntukan Perlembagaan ini; atau
  - (b) pelanggaran mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Perlembagaan ini, memerintahkan bahawa ahli tersebut dihukum mengikut Fasal (6).
- (6) Jawatankuasa tatatertib boleh menjalankan hukuman-hukuman berikut -
  - (a) amaran;
  - (b) pengantungan semua atau mana-mana hak di bawah Fasal 19(1);

## *Perlembagaan*

(c) dilarang daripada memegang apa-apa jawatan -

- (i) dalam Badan Perhubungan;
- (ii) dalam mana-mana jawatankuasa bahagian;
- (iii) dalam mana-mana jawatankuasa tatatertib;
- (iv) juruaudit diperingkat Kelab atau bahagian;
- (v) apa-apa jawatan lain dalam Kelab; atau
- (vi) kesemuanya di atas,

selama tempoh yang ditentukan oleh jawatankuasa tatatertib;

(c) pengantungan keahlian selama tempoh tidak melebihi satu tahun;

(d) membuat laporan polis jika terdapat elemen elemen acara jenayah dilakukan

(e) dibatalkan keahlian; atau

(f) mengenakan apa-apa kombinasi hukuman tatatertib di bawah Fasal ini.

(7) Mana-mana ahli yang tidak berpuas hati dengan keputusan jawatankuasa tatatertib terhadapnya di bawah Fasal (5) boleh, dalam masa empat belas hari selepas diberitahu tentang keputusan itu, merayu kepada Badan Perhubungan terhadap keputusan itu.

(8) Pemeriksaan rekod.

Semua rekod-rekod , -

(a) mana-mana jawatankuasa bahagian;

(b) mana-mana jawatankuasa *ad hoc* di bawah Badan Perhubungan;

(c) mana-mana jawatankuasa *ad hoc* di bawah mana-mana jawatankuasa bahagian; atau

(d) apa-apa badan lain di bawah Kelab atau bahagian,

hendaklah sentiasa terbuka untuk diperiksa oleh jawatankuasa tatatertib atau wakilnya.

(9) Badan Perhubungan boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan jawatankuasa tatatertib.

(10) Keputusan Badan Perhubungan di bawah Fasal (9) adalah muktamad.

### **PERKARA 48**

Perlembagaan sebagai dokumen awam.

Perlembagaan ini adalah sebuah dokumen awam Kelab dan hendaklah diumumkan, dipamer, diedar dan dicetak bagi kegunaan, pemahaman dan pemilikan semua anggota Badan Perhubungan, jawatankuasa bahagian serta ahli Kelab.



*KELAB UMNO UNITED KINGDOM*

**BAHAGIAN XIII  
PENGECUALIAN DAN PERALIHAN**

**PERKARA 49**

Pemansuhan.

Perlembagaan tedahulu termasuk Perlembagaan Kelab UMNO UK & Eire 1970 dimansuhkan.

**PERKARA 50**

Penerusan peraturan-peraturan, dsb.

Semua peraturan, notis, borang, arahan dan apa-apa perbuatan atau dokumen-dokumen lain yang dibuat, dikeluarkan atau diberikan di bawah Perlembagaan Kelab UMNO UK & Eire 1970 hendaklah terus berkuatkuasa sehingga dibatalkan atau digantikan oleh Perlembagaan ini.

**PERKARA 51**

Pengesahan perbuatan yang dilakukan dengan menjangkakan bahawa Perlembagaan ini akan diluluskan.

Segala perbuatan dan benda yang dilakukan oleh mana-mana orang atau badan bagi pihak Kelab sebagai persediaan bagi dan ke arah pelaksanaan sepatutnya mana-mana atau semua peruntukan Perlembagaan ini, dengan menjangkakan bahawa Perlembagaan ini akan diluluskan oleh mana-mana mesyuarat agong Tahunan, hendaklah disifatkan telah diberi kuasa di bawah Perlembagaan ini.

**JADUAL PERTAMA**

- 1.(1) Badan Perhubungan hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan berkesan dan mesyuarat-mesyuarat itu hendaklah diadakan di mana mana tempat dan pada bila-bila masa yang ditentukan oleh Pengerusi, dengan syarat Pengerusi tidak boleh membenarkan lebih daripada tiga bulan berlalu di antara mesyuarat-mesyuarat.
- (2) Pengerusi hendaklah mengadakan mesyuarat jika diminta secara bertulis untuk berbuat demikian oleh sekurang-kurangnya satu pertiga daripada jumlah anggota Badan Perhubungan.
2. Notis bertulis dan agenda mesyuarat hendaklah diberikan kepada semua anggota Badan Perhubungan sekurang-kurangnya empat puluh lapan jam sebelum mesyuarat.
3. Tiap-tiap mesyuarat hendaklah dipengerusikan -
  - (a) oleh Pengerusi;
  - (b) jika Pengerusi tidak hadir, oleh Timbalan Pengerusi; atau
  - (c) jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir, Badan Perhubungan hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.
4. Kuorum Badan Perhubungan adalah majoriti anggota Badan Perhubungan dan tidak termasuk 2 penasihat jika ada.
5. Tiap-tiap anggota Badan Perhubungan yang hadir berhak mendapat satu undi tetapi undi seseorang anggota Badan Perhubungan tidak boleh diwakilkan.
6. Jika diatas suatu persoalan yang kena ditentukan oleh Badan Perhubungan terdapat persamaan undi, -
  - (a) Pengerusi;
  - (b) jika Pengerusi tidak hadir, Timbalan Pengerusi; atau
  - (c) anggota yang mempengerusikan mesyuarat itu,hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.
7. Badan Perhubungan boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat atau pertimbangan Badan Perhubungan bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang itu tidaklah berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangan itu.
8. Badan Perhubungan boleh menubuhkan, dari semasa ke semasa, jawatankuasa-jawatankuasa *ad hoc* dari kalangan anggotanya dan ahli-ahli Kelab atau selainnya bagi maksud-maksud atau tujuan-tujuan tertentu.
9. (1) Badan Perhubungan hendaklah menyebabkan supaya minit tiap-tiap mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya dan minit itu hendaklah disahkan dalam mesyuarat yang berikutnya.
- (2) Tiap-tiap mesyuarat Badan Perhubungan yang minit mengenainya telah dibuat mengikut subperenggan (1) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.



**KELAB UMNO UNITED KINGDOM**

10. (1) Sesuatu resolusi dianggap telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat Badan Perhubungan jika -
  - (a) semua anggota Badan Perhubungan telah diberitahu tentang resolusi yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memberitahu semua anggota Badan Perhubungan tentang resolusi yang dicadangkan itu; dan
  - (b) tanpa bermesyuarat, majoriti anggota Badan Perhubungan menandakan persetujuan dengan resolusi itu mengikut cara yang ditentukan oleh Badan Perhubungan di bawah subperenggan (2).
  - (c) mana-mana anggota badan perhubungan yang tidak memberi sebarang respon setelah diberitahu dianggap bersetuju dengan resolusi tersebut selepas satu tempoh masa ditetapkan.
- (2) Subperenggan (1) terpakai hanya jika Badan Perhubungan -
  - (a) memutuskan bahawa ia terpakai; dan
  - (b) memutuskan cara yang melaluinya anggota Badan Perhubungan boleh menandakan persetujuan dengan resolusi-resolusi
11. (1) Seseorang anggota Badan Perhubungan yang, secara langsung atau tak langsung, mempunyai suatu kepentingan dalam suatu perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Badan Perhubungan hendaklah selepas fakta yang berkaitan sampai kepada pengetahuannya, menzahirkan kepada Badan Perhubungan hakikat dan jenis kepentingan itu .
- (2) Penzahiran di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit Badan Perhubungan dan, selepas penzahiran itu, melainkan jika dibenarkan oleh Pengerusi -
  - (a) anggota itu tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam perbincangan atau keputusan Badan Perhubungan tentang perkara itu; atau
  - (b) anggota itu tidak boleh dikira bagi maksud membentuk suatu kuorum Badan Perhubungan berkaitan perkara itu.
12. Tiada perbuatan yang dilakukan atau tindakan yang diambil di bawah Perlembagaan ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa .
  - (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Badan Perhubungan;
  - (b) ada pelanggaran peruntukan perenggan 11 oleh mana-mana anggota Badan Perhubungan; atau
  - (c) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau luar aturan lain yang tidak menyentuh merit kes itu.
13. Tiap-tiap anggota Badan Perhubungan hendaklah menumpukan masa kepada urusan Badan Perhubungan sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajibannya dengan berkesan.
14. Tertakluk kepada Perlembagaan ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya, Badan Perhubungan bolehlah menetapkan tatacaranya sendiri.

**JADUAL KEDUA**

Senarai Bahagian Kelab

**England**

Birmingham & Wolverhampton  
Coventry & Warwick  
Hull  
Lancaster & Morecambe  
Leeds  
Leicester  
Liverpool  
London  
Newcastle  
Salford & Manchester  
Sheffield  
Southampton  
Surrey  
Wales

**Scotland**

Glasgow  
Edinburgh

---

**JAWATANKUASA PENYELARASAN PERLEMBAGAAN KELAB UMNO UNITED KINGDOM 2003**

**EDHAM REZA SHAH BIN ABDUL RAHMAN.,**  
*Gray's Inn , LLB*  
Email : [kruizewagen@yahoo.co.uk](mailto:kruizewagen@yahoo.co.uk)

Para Pengerusi Kelab UMNO United Kingdom 2002-2003

ahli-ahli kelab yang terlibat secara langsung atau tidak dalam penggubalan perlembagaan ini.

---